

Pertandingan Perekaan Barangan Kemas MIJF Kini Dibuka untuk Pendaftaran

Kuala Lumpur, Malaysia: Pertandingan Perekaan Barang Kemas di Malaysia yang amat diantisipasi, iaitu MIJF Jewellery Design Awards Sesi Kedua kini dibuka untuk pendaftaran! Dengan kejayaan pertandingan sesi pertama tahun lepas, penganjur pertandingan Elite Expo Sdn. Bhd. percaya bahawa pertandingan tahun ini yang bertema "Nature of Earth" akan menerima lebih banyak pendaftaran daripada para pelajar berasal dari Malaysia dan negeri-negeri Asia.

Semenjak perasmianya pada tahun 2011, MIJF Jewellery Design Awards bermaklumat untuk menaikkan taraf industri barangan kemas Malaysia ke taraf antarabangsa dan berusaha menggalakkannya sebagai pemuka fesyen terutama di industri barangan kemas antarabangsa dengan menemui pelajar muda dari Malaysia dan negara Asia lain yang mempunyai kebakatan dalam bidang perekaan, dan berkebolehan untuk menjadi pemimpin industri barang hiasan pada masa depan. Pelajar-pelajar yang belajar di sekolah seni atau reka bentuk di Malaysia atau perantauan Asia yang berumur 28 tahun atau ke bawah berlayak untuk menyertai pertandingan ini.

Tema pertandingan MIJF Jewellery Design Awards 2012 iaitu "Nature of Earth", atau bermaksud "Alam Semula Jadi", berkehendakan menggalakkan para pelajar untuk memupuk kecintaan terhadap keindahan alam semula jadi dan menggunakan idea itu dalam reka bentuk barang kemas mereka. Para peserta adalah bebas untuk mendaftar dalam mana-mana empat kategori yang disediakan: cincin, subang, kalung dan gelang/kerongsang. Para pengadil akan memilih pemenang-pemenang pertandingan berdasarkan aspek keaslian, kreativiti dan inovasi reka bentuk barang kemas tersebut, kesesuaian untuk pasaran, daya tahan kepakain dan kerelevanan reka bentuk dengan tema yang disediakan.

Pemenang-pemenang kategori masing-masing bukan sahaja akan menerima wang tunai RM3,000, mereka juga berpeluang bekerjasama dengan Ameer Philips Jewellery untuk menghasilkan barangan kemas dengan merujuk kepada reka bentuk mereka dan mempamerkan empat koleksi barangan kemas di MIJF 2012. Dengan peluang ini, pemenang akan menerima publisiti yang tinggi untuk hasil reka bentuknya dan membantunya atas kerjayanya sebagai seorang pereka barangan kemas pada masa depan. Selain itu, pemenang Anugerah Cemerlang yang dipilih daripada empat orang pemenang kategori akan menerima biasiswa untuk kelas Reka Bentuk Barang Kemas sepanjang 9 minggu di GIA Thailand.

Panel hakim tahun ini termasuk Mr. Mark B. Mann, pengarah Jewellery Manufacturing Arts (JMA) Institute of Gemmological Institute of America (GIA) Thailand; Puan Ameer Philips, pengasas kumpulan Ameer Philips, pereka barangan kemas jenama ini dan tukang kraf barang kemas utama jenama; Encik Ng Yih Pyng, MBA, pengerusi *Federation of Goldsmiths And Jewellers Associations Of Malaysia* dan Pengarah Urusan Kumpulan Tomei Consolidated Bhd; dan Encik Johnson Lim, CEO Elite Expo Sdn. Bhd. dan pengasas pameran MIJF.

Ribuan terima kasih kepada penaja pertandingan ini, iaitu Ameer Philips Jewellery, GIA Thailand dan Ablaze Gems Sdn Bhd.

Jika anda masih muda dan berbakat, dan bercita-cita menjadi seorang pereka bentuk barang kemas yang berjaya, marilah berdaftar dalam Pertandingan Pereka Barang Kemas ini dan menunjukkan kreativiti anda di mata dunia! Jangan lupa menghantar pendaftaran anda sebelum Mac 21, 2012. Anda mungkin akan memiliki kerjaya yang berjaya pada masa depan!

Untuk pertanyaan, sila hubungi Bahagian PR & Komunikasi Elite Expo Sdn Bhd (Tel) +603-58911157 (Email) info@eliteexpo.com.my atau melayari laman web di www.elite.com.my.

Dianjurkan oleh

Ditajakan oleh

